

الله أكبر, الله أكبر, الله أكبر, والله الحمد,

Sidang jemaah yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Pada pagi 10 Zulhijjah 1445H yang mulia ini, ketika kita berhimpun untuk menunaikan Solat Sunat Aidil Adha, jutaan umat Islam sedang berada dalam suatu muktamar agung atau himpunan besar yang kini sedang berlangsung di tanah suci Mekah bagi menunaikan ibadah Haji yang menjadi salah satu daripada Rukun Islam.

Mereka datang dari pelbagai pelusuk dunia, pelbagai bangsa, warna kulit, dan bahasa yang berbeza. Ada yang kaya dan ada yang miskin, ada raja dan ada rakyat. Namun, kedudukan mereka adalah sama sahaja di sisi Allah. Demikianlah gambaran apabila kita berangkat pulang bertemu Allah di negeri akhirat nanti. Ketika itu yang membezakan kita hanyalah yang paling tinggi takwa dan imannya semasa hidup di dunia.

Firman Allah:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: *Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).*

(S. Al-Hujurat : 13)

الله أكبر, الله أكبر, الله أكبر, والله الحمد,

Muslimin dan muslimat yang dihormati sekalian,

Adalah disunatkan untuk menunaikan Solat Sunat Aidil Adha kepada seluruh umat Islam, baik lelaki atau perempuan, bermukim atau musafir. Kita juga disuruh melaungkan ucapan takbir, tahmid, dan taqdis, bagi membesarkan dan memuji Allah SWT yang memiliki sifat-sifat yang sempurna dan tidak ada sebarang sifat kekurangan atau kelemahan pada-Nya.

Ucapan yang kita laungkan berupa takbir, tahmid, dan taqdis itu, tidaklah sekadar kita melaungkan suara semata-mata tanpa penghayatan, tetapi kita hendaklah menjiwai setiap makna dan kandungan perkataan-perkataan yang disebut, yang tersurat atau tersirat. Kalimah-kalimah yang mulia ini hendaklah terus disebut ketika mana kita menunaikan solat, bermula dari Takbiratul Ihram, takbir ketika satu rukun kepada rukun yang lain, begitu juga bacaan-bacaan yang rukun dan sunat semasa berdiri betul, semasa i'tidal, sujud dan seumpamanya. Semuanya disebut bertujuan membesarkan, memuji, dan mentaqdiskan Allah di samping berdoa dan bermunajat kepada-Nya agar kita sentiasa mendapat rahmat, keredhaan dan keampunan Allah.

Setiap ibadah yang kita lakukan hendaklah didorong atas dasar keimanan, ketaatan, dan penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah SWT, seterusnya menjadi satu proses menguatkan aqidah, melakukan ibadah secara istiqamah atau berterusan, dan penyucian akhlak daripada perkara-perkara yang boleh membawa kepada kemurkaan Allah dan akhirnya menjauhkan kita dari rahmat dan petunjuk-Nya.

Amatlah malang, jika kita begitu bersemangat melaungkan kalimah-kalimah ini pada setiap kali hari raya atau pada masa-masa tertentu, sejurus selepas itu, kita mengambil ringan akan semangat dan roh kalimah tersebut. Sepatutnya dijadikan laungan takbir, tahmid, dan taqdis ini, mendarah daging dalam diri kita dan dijiwai sebagai suatu ikrar memperteguh aqidah yakni Allah sebagai Tuhan Yang Satu, dan keyakinan kita terhadap syariat Allah yang merupakan satu-satunya perundangan dan cara hidup yang diterima oleh-Nya. Diingatkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu Syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama; maka turutlah Syariat itu dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar).

(S. Al-Jathiyah : 18)

الله أكبر, الله أكبر, الله أكبر, الله أكبر, الله أكبر, الله أكبر,

Muslimin dan muslimat sekalian,

Mulai hari ini, selepas terbit matahari 10 Zulhijjah hingga terbenamnya matahari 13 Zulhijjah, kita disunatkan melakukan ibadah korban dengan menyembelih binatang ternakan. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah Al-Kauthar ayat 1 dan 2:

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ﴿١﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ﴿٢﴾

Maksudnya: 1. Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat).

2. Maka tunaikanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban (sebagai tanda bersyukur).

Justeru, jadikanlah ibadah korban sebagai syiar Islam dan tanda kita mentaati perintah Allah SWT. Lakukanlah ibadah ini dengan ikhlas semata-mata untuk mencari keredhaan-Nya, bukan kerana tujuan-tujuan yang lain.

Firman Allah SWT:

لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَائُهَا وَلَكِنَّ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ كَذَلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْكُمْ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٧﴾

لِلْجَبِينِ ﴿١١٣﴾ فَلَمَّا أَسْلَمَا وَتَلَّهُ لِلْجَبِينِ ﴿١١٣﴾ وَنَدَيْنَاهُ أَنْ يَا إِبْرَاهِيمُ ﴿١١٤﴾ قَدْ صَدَّقْتَ الرُّؤْيَا
إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١١٥﴾ إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْبَلَاءُ الْمُبِينُ ﴿١١٦﴾ وَفَدَيْنَاهُ بِذَبْحٍ عَظِيمٍ ﴿١١٧﴾

Maksudnya: 102. Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?. Anaknya menjawab: Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; Insya Allah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar.

103. Setelah keduanya berserah bulat-bulat (menjunjung perintah Allah itu) dan Nabi Ibrahim merebahkan anaknya dengan meletakkan iringan mukanya di atas tompok tanah, (Kami sifatkan Ibrahim dengan kesungguhan azamnya itu telah menjalankan perintah Kami),

104. Serta Kami menyerunya: Wahai Ibrahim!

105. Engkau telah menyempurnakan maksud mimpi yang engkau lihat itu. Demikianlah sebenarnya Kami membalas orang-orang yang berusaha mengerjakan kebaikan.

106. Sesungguhnya perintah ini adalah satu ujian yang nyata;

107. Dan Kami tebus anaknya itu dengan seekor binatang sembelihan yang besar;

الله أكبر, الله أكبر, الله أكبر, والله الحمد,

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

Dinukilkan daripada Kitab Tafsir Ibnu Kathir: Imam Ahmad meriwayatkan daripada Ibnu Abbas, ia berkata:

“Ketika Nabi Ibrahim A.S. diperintahkan untuk mengorbankan anaknya, Syaitan datang menghalangnya di tempat Sa’ei, Syaitan ingin mendahuluinya, tetapi Nabi Ibrahim A.S. terlebih dahulu sampai. Kemudian Malaikat Jibril membawa Nabi Ibrahim menuju ke Jamratul

Aqabah, Syaitan menghalangnya lagi. Lalu Nabi Ibrahim melontarnya dengan tujuh ketul batu, kemudian meneruskan berjalan. Syaitan menghalang lagi, sampai di Jamratul Wustha. Dilontarnya Syaitan itu lagi dengan tujuh ketul batu.

Kemudian, Nabi Ibrahim A.S. membaringkan anaknya Ismail atas pelipisnya, dan bersungguh-sungguh untuk menyembelih anaknya kerana itulah yang diperintahkan oleh Allah SWT kepadanya. Maka ketika itulah datang seruan menggantikan dengan seekor kambing putih bertanduk dan matanya lebar untuk disembelih. Menurut Ibnu Abbas, kambing ini telah dipelihara di Syurga selama 40 musim.

Demikianlah peristiwa yang agung yang menjadi sunnah ikutan kita sebagai umat Nabi Muhammad SAW iaitu menyembelih binatang ternakan pada Hari Raya Aidil Adha ini.

Berdasarkan petikan yang dibacakan ini, dapatlah kita mengambil pengajaran dan kesimpulan, bahawa setiap hamba yang dikasihi Allah SWT pasti akan menghadapi ujian sepertimana yang dialami oleh Nabi Ibrahim A.S. dan anaknya Nabi Ismail A.S.. Dalam kita menegakkan kebenaran terutamanya dalam medan dakwah dan perjuangan, pastinya kita akan menghadapi ujian yang berat. Apa yang mesti kita lakukan semasa menghadapi segala ujian yang datang, adalah dengan kita berusaha sepenuh hati dalam apa jua perbuatan kita kerana Allah SWT semata-mata, sentiasa menadah tangan dan berdoa agar diiringi keredhaan-Nya, serta setelah berusaha sehabis mungkin, bertawakal yakni menyerahkan segala urusan bulat-bulat kepada Allah SWT, kerana Dialah yang mengizinkan tiap-tiap sesuatu yang sudah, sedang, dan akan berlaku.

الله أكبر, الله أكبر, الله أكبر, والله الحمد,

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

Syariat berkorban menyembelih binatang ternakan hanya disunatkan pada Hari Raya Aidil Adha sahaja. Namun pengorbanan yang lebih umum sentiasa terbuka seluas-luasnya untuk kita lakukan. Terutamanya pengorbanan dalam menghadapi suasana kesulitan dan

kepayahan demi menegakkan perjuangan Islam. Kesusahan dan kepayahan tersebut diibaratkan seperti seseorang yang menggenggam bara api. Jika ia tidak berkorban dan tidak bersabar menghadapi pelbagai bentuk kesukaran dan ujian, nescaya akan terlepaslah bara api tersebut daripada tangannya. Rasulullah SAW telah bersabda:

عن أنس رضى الله عنه قال: قال رسول الله صلى عليه وسلم :

يأتى على الناس زمان الصابر فيهم على دينه كالقابض على الجمر

. أخرجه الترمذي.

Maksudnya: *Daripada Anas RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: Akan datang kepada umat ku di suatu zaman mereka yang berpegang dengan agamanya (Islam) seumpama menggenggam bara api.*

Jika kita meneliti akan sejarah perjuangan junjungan Nabi kita Muhammad SAW bersama-sama para sahabat, ternyata mereka telah melakukan berbagai-bagai bentuk pengorbanan bagi memastikan ajaran Islam terus berkembang pesat dan dipertahankan. Hal ini dapat dilihat semasa bagaimana kaum Ansar memberikan perlindungan kepada golongan Muhajirin yang berhijrah dari kota Mekah ke kota Madinah. Mereka telah melakukan pengorbanan yang amat besar demi menyelamatkan dakwah dan umat Islam.

Al-Quran dengan jelas menunjukkan teladan pengorbanan dalam kalangan golongan Muhajirin dan Ansar. Ini supaya kisah ini menjadi aspirasi kepada kita, membakar semangat pengorbanan dalam kalangan kita sebagai orang-orang yang beriman supaya berkorban menegakkan agama Islam pada zaman moden ini.

Firman Allah SWT :

لِلْفُقَرَاءِ الْمُهَاجِرِينَ الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا وَيَنْصُرُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ ﴿٨﴾ وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِن قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: 8. (Pemberian itu hendaklah diuntukkan) kepada orang-orang fakir yang berhijrah, yang telah diusir keluar dari kampung halamannya dan harta bendanya (kerana berpegang teguh kepada ajaran Islam), untuk mencari limpah kurnia dari Allah dan keredaanNya, serta menolong (agama) Allah dan RasulNya; mereka itulah orang-orang yang benar (imannya dan amalnya).

9. Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu, dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat, dan (ingatlah) !... sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.

(S. Al-Hashr : 8 - 9)

Marilah kita mengambil semangat dan teladan pengorbanan generasi sahabat yang dididik oleh Rasulullah SAW seperti mana yang dirakamkan dalam Al-Quran sebagai jual beli dengan Allah SWT. Mereka membayar dengan harga yang mahal, berbentuk harta benda, masa, hatta nyawa mereka sendiri, semata-mata untuk mencari keredhaan Allah SWT dan demi memenangkan perjuangan Islam. Balasan kepada perjuangan ini adalah dengan balasan yang diidam-idamkan oleh setiap daripada kita orang yang beriman, iaitu tempat kita di dalam Syurga-Nya pada Hari Akhirat nanti.

Firman Allah dalam Surah At-Taubah ayat 111:

﴿إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَىٰ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعَدًّا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْقُرْآنِ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبْشِرُوا بَبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُمْ بِهِ ۚ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١١١﴾﴾

Mafhumnya : Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya, dan janganlah kamu turuti langkah-langkah Syaitan. Sesungguhnya Syaitan itu musuh yang nyata bagimu.*

(S. Al-Baqarah : 208)

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi (Muhammad SAW); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

(S. Al Ahzab : 56)

Marilah kita membanyakkan selawat ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW sebagai tanda kasih dan cinta kepada Baginda. Semoga dengan itu kita akan mendapat syafaat Baginda di akhirat nanti.

اللهم صلى على محمد وعلى آل محمد, كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم, وبارك على محمد وعلى آل محمد, كما باركت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم في العالمين إنك حميد مجيد.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَقَاضِي الْحَاجَاتِ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَنْصِرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ, اللَّهُمَّ لَا تُسَلِّطْ عَلَيْنَا مَنْ لَا يَخَافُكَ وَلَا يَرْحَمُنَا, اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا

الْمُسْلِمِينَ فِي سِيرِيَا وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي كَشْمِيرِ وَفِي الْهِنْدِ وَفِي أَفْغَانِسْتَانِ وَفِي جَنْوَبِ بَلِيْبِيْنِ وَفِي اِبْنْدُونِيْسِيَا وَفِي تَائِلَنْدِ وَفِي بَلْدِنَا مَالِيْزِيَا اللَّهُمَّ أَنْصِرِ الْمُجَاهِدِيْنَ الَّذِيْنَ يُجَاهِدُوْنَ فِي سَبِيْلِكَ فِي كُلِّ زَمَانٍ وَمَكَانٍ.

اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ وَ يَا مُجْرِيَ السَّحَابِ وَ يَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ إِهْزِمْهُمْ وَ أَنْصُرْنَا عَلَيْهِمْ،

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَ الْمُسْلِمِينَ وَ أَدِلَّ الشَّرْكَ وَ الْمُشْرِكِينَ وَ دَمِّرْ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَ أَنْصُرْ عِبَادَكَ الْمُؤْمِنِينَ . اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ مِنَّا صَلَاتَنَا وَ صِيَامَنَا وَ قِيَامَنَا وَ ذَكَاتَنَا وَ جَمِيعَ حَسَنَاتِنَا وَ اجْعَلْهَا خَالِصَةً لِرُجُوحِكَ الْكَرِيمِ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَ فِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَ تَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَامٌ وَ آخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ....

خطبة عيد الأضحى

1445هـ/2024

دسدياكن دان دتريبتكن اوليه:

ديوان علماء قاس نكري قرليس